



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

24.02.2023

❖ **Kepelbagaian, pure play dan konglomerat**

Orang bijak pandai pernah berpesan, jangan letakkan semua telur anda dalam sebuah bakul; usah mempertaruhkan segala-galanya dalam satu usaha. Mereka menambah, kepelbagaian adalah jalan untuk menyebarkan risiko. Pepatah itu ada benarnya. Namun, perkara yang jarang dititikberatkan ialah risiko kepelbagaian yang berlebihan serta ancaman yang timbul daripadanya. Ibarat jaguh serbawan, pakar berseman. Sebuah syarikat yang menceburi semua bidang perniagaan tetapi tidak menguasai mana-mana satu pun.

Sesebuah syarikat awam tersenarai (*public limited company*, PLC) sentiasa mempunyai pilihan. Sama ada mempelbagaikan aktiviti perniagaan atau tetap fokus pada satu perniagaan. Apabila kita membincangkan tentang kepelbagaian, terdapat kepelbagaian dalam bidang berkaitan contohnya, operasi hiliran dan huluan serta kepelbagaian ke dalam sektor lain yang tidak berkaitan.

Integrasi menegak

Satu contoh kepelbagaian dalam bidang berkaitan ialah usaha Farm Fresh Berhad (FFB) baru-baru ini menceburi perniagaan aiskrim. Penganalisis pelaburan mengekalkan pendirian positif terhadap FFB berikutan cadangan pengeluar produk tenusu itu untuk memperoleh pegangan kawalan dalam syarikat ais krim The Inside Scoop Sdn Bhd (TISSB).

FFB mengumumkan cadangan pemerolehan 65% kepentingan dalam TISSB, pembuat aiskrim dengan 37 kedai runcit di seluruh negara, dengan harga RM83.9 juta melalui pembelian dan langganan saham.

Sebahagian besar penganalisis berasa optimis mengenai pengambilalihan itu yang memetik sinergi perniagaan yang positif merentas rantaian nilainya dan potensi penembusan ke dalam pasaran ais krim dalam bentuk barangan pengguna yang dibungkuskan (*consumer packaged goods*, CPG).

Memiliki kedai aiskrim tenusu runcit sebagai aliran pendapatan baharu menawarkan pelbagai sinergi perniagaan kepada FFB iaitu melalui peluang jualan silang produk,

peluasan rangkaian kedai serantau serta keupayaan rangkaian pengedaran produk yang lebih luas.

Komuniti pelabur secara amnya memandang positif terhadap pengambilalihan itu.

Diskaun syarikat induk

Apabila sesebuah PLC mempelbagaikan aktiviti kepada banyak sektor, akan berlaku situasi yang dikenali sebagai 'diskaun syarikat induk'. Harga saham didiskaunkan kerana PLC tersebut melabur dalam banyak sektor yang tidak berkaitan. Dalam hal ini 1+1+1 adalah kurang daripada tiga. Itulah sebabnya konsep 'membuka kunci nilai' adalah cara yang popular untuk mencipta nilai bagi pemegang saham. Ini berlaku apabila konglomerat itu menyenaraikan perniagaan berkaitannya yang lain sebagai PLC secara berasingan, yang mana dalam kes ini, 1+1+1 mungkin lebih daripada tiga.

Pure play dan konglomerat

Suatu ketika dahulu, konsep konglomerat amat popular dalam kalangan ramai pelabur. Masakan tidak, ia PLC gergasi yang mempunyai jaringan dalam pelbagai sektor yang tidak berkaitan. Mereka amat mementingkan saiz pada ketika itu. Namun, apabila saiz terlalu besar, mereka menjadi kurang lincah dan tangkas. Mereka bukan lagi buluh yang boleh melentur apabila ditiup angin kencang tetapi sebatang pohon tegap yang bisa patah apabila dilanda badai.

Konglomerat seumpama ini secara amnya tidak disenangi oleh pelabur yang nampaknya lebih menyukai PLC *pure play*. *Pure play* bermaksud syarikat yang menumpukan usaha dan sumbernya kepada satu jenis perniagaan sahaja. Pelabur yang melihat prospek yang cerah untuk minyak sawit, lebih suka melabur dalam syarikat yang fokus perniagaannya adalah minyak sawit iaitu syarikat perladangan kelapa sawit. Oleh yang demikian, konglomerat dengan aktiviti minyak sawit sebagai salah satu cabang perniagaannya bukanlah pilihan utama pelabur yang mungkin melihat masa depan yang cerah untuk perniagaan minyak sawit tetapi bukan untuk sektor lain yang tidak berkaitan dalam konglomerat itu.

Pure play

Satu contoh 'diskaun syarikat induk' dan 'membuka nilai' melalui penstrukturan semula syarikat *pure play* ialah rancangan penstrukturan semula Sime Darby Berhad (SDB) pada tahun 2017 yang mewujudkan tiga syarikat *pure play* bebas yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities).

Struktur korporat yang dimaksudkan bertujuan memaksimumkan nilai bagi pemegang saham yang akhirnya akan memegang saham dalam tiga syarikat *pure play* yang mengujakan.

Pelan itu melibatkan penstrukturan semula secara dalaman dan pelaksanaan pengagihan saham sebelum menyenaraikan perniagaan perladangan dan hartanahnya. Apabila selesai penyenaian, ketiga-tiga syarikat tersebut iaitu Sime Darby Plantation Berhad, Sime Darby Property Berhad dan Sime Darby Bhd, masing-masing mempunyai fokus perniagaan pada kedudukan yang baik untuk

pertumbuhan selanjutnya dalam sektor masing-masing di peringkat global dan serantau.

Berbekalkan akses terus kepada pasaran modal dan fleksibiliti pembiayaan, setiap syarikat *pure play* mendapat manfaat daripada pengurusan modal yang lebih fokus dan strategi pertumbuhan yang disesuaikan dengan keperluan syarikat. Sementara itu, pemegang saham boleh mengambil bahagian secara langsung dalam ekuiti dan pertumbuhan ketiga-tiga syarikat memandangkan prestasi kewangan setiap entiti tersenarai dapat dilihat dengan lebih jelas.

Pemegang saham boleh memilih untuk melabur dalam sektor *pure play* pilihan mereka.

Keupayaan pengurusan

Apabila memilih kepelbagaian, lembaga pengarah perlu mempertimbangkan sama ada mereka dan pihak pengurusan mempunyai keupayaan dan kapasiti untuk melaksanakan dan menjayakan kepelbagaian itu. Itulah soalan yang sama yang perlu ditanya oleh pemegang saham minoriti apabila sesebuah PLC mengumumkan langkah kepelbagaian. Semakin jauh kepelbagaian itu daripada perniagaan teras syarikat, semakin besar risiko terjadi perkara yang tidak diingini.

Konglomerat selalunya mempunyai lembaga pengarah yang besar di peringkat syarikat induk kerana mereka mempunyai pelaburan dalam pelbagai sektor, justeru memerlukan kepakaran dalam sektor-sektor tersebut. Oleh itu, konglomerat yang melabur dalam perniagaan minyak sawit, hartanah dan jentera berat perlu mempunyai pengarah yang mempunyai pengetahuan dalam sektor-sektor ini. Saiz lembaga yang besar berisiko menjadi tidak berfungsi. Terdapat juga risiko kehilangan tumpuan sekiranya lembaga pengarah, sebagai lembaga pengarah syarikat induk, terpaksa menyelia pelbagai sektor yang berbeza.

Konglomerat juga cenderung mempunyai hierarki pelaporan terperinci 'berbilang peringkat' iaitu syarikat induk dengan sejumlah anak syarikat, masing-masing terlibat dalam sektor yang tidak berkaitan. Birokrasi dan struktur pelaporan berbilang peringkat ada masanya tidak membantu malah menjadi penghalang. Kini, keutamaan diberikan kepada struktur pelaporan yang lebih mendatar

Oleh itu, boleh difahami jika pemegang saham minoriti cenderung kepada PLC *pure play* dan jika terdapat kepelbagaian, ia adalah sama ada aktiviti hulu atau hiliran. Dengan cara itu, mereka boleh melabur dalam sektor pilihan mereka sendiri.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 27 Februari hingga 3 Mac 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
27.02.23 (Isnin) 09.30 pagi	Hong Seng Consolidation Berhad	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang normal selepas pandemik, berjumlah RM198.40 juta pada tahun kewangan 2022, terutamanya disumbangkan oleh segmen penjagaan kesihatan iaitu sebagai pembekal kit ujian PCR COVID 19, bekalan perubatan serta menyediakan perkhidmatan makmal untuk ujian PCR COVID 19.</p> <p>Disebabkan perubahan akhir tahun kewangan dari 31 Mac kepada 30 September, Kumpulan tidak mempunyai maklumat kewangan perbandingan untuk tahun kewangan berakhir 2022.</p> <p>Secara keseluruhan, Kumpulan mencatatkan untung bersih berjumlah RM97.19 juta bagi tahun kewangan 2022 terutamanya disumbangkan oleh Segmen Penjagaan Kesihatan dan untung daripada penjualan anak-anak syarikat.</p>
28.02.23 (Selasa) 02.30 petang	APB Resources Berhad	<p>Kumpulan APB merekodkan prestasi kewangan yang lebih baik pada tahun kewangan 2022 dengan peningkatan 37% dalam pendapatan kepada RM78.02 juta daripada RM56.87 juta pada tahun sebelumnya. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan projek. Dengan pendapatan yang lebih tinggi serta pemulihan kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan, Kumpulan mencatatkan untung bersih RM8.6 juta berbanding rugi bersih RM5.3 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Kumpulan menjangkakan tahun kewangan 2023 akan kekal mencabar berikutan perbelanjaan modal yang lebih perlahan dalam sektor pembuatan ditambah pula dengan keadaan lebihan kapasiti dalam sektor tersebut.</p>

<p>02.03.23 (Khamis) 09.30 pagi</p>	<p>Notion VTEC Berhad</p>	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2022 yang berjumlah RM334.1 juta adalah 5% lebih rendah daripada tahun kewangan 2021 iaitu RM352.9 juta. Namun, Kumpulan mencatatkan untung bersih berjumlah RM9.4 juta berbanding rugi RM7.8 juta pada tahun sebelumnya. Ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan lain yang lebih tinggi yang berjumlah RM50.8 juta (tahun kewangan 2021: RM16.5 juta).</p> <p>Kumpulan berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk membenarkan pembayaran ex-gratia sebanyak RM150,000 kepada pengarah bukan eksekutif bebasnya yang telah lama berkhidmat yang telah meletakkan jawatan pada 20 Januari 2023.</p> <p>MSWG tidak menyokong pembayaran ex-gratia seumpama itu kepada pengarah bukan eksekutif dan akan mengundi menentang Resolusi Biasa No. 7.</p>
<p>03.03.23 (Jumaat) 03.00 petang</p>	<p>Hubline Berhad</p>	<p>Pendapatan Hubline bagi tahun kewangan 2022 berjumlah RM228.44 juta berbanding RM152.93 juta setahun yang lalu. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) peningkatan bilangan penghantaran, kadar tambang yang lebih tinggi serta peningkatan kecekapan operasi dalam segmen perkapalan ii) kejayaan memperoleh dan melaksanakan kontrak penerbangan dalam bahagian penerbangan. <p>Walau bagaimanapun, perolehan bersih bagi tahun kewangan 2022 adalah 42% lebih rendah iaitu RM11.3 juta terutamanya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih rendah manakala perbelanjaan pentadbiran,</p>

		pendapatan operasi lain serta cukai adalah lebih tinggi.
--	--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Hong Seng Consolidation Berhad	<p>1. Inventori yang diturunkan nilai meningkat dengan ketara kepada RM2.8 juta (tempoh kewangan 18 bulan berakhir 2021: RM0.79 juta). (Halaman 68, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah yang terkandung dalam inventori yang diturunkan nilai? Adakah inventori yang telah diturunkan nilai ini masih boleh digunakan atau boleh dijual?</p> <p>2. Kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan meningkat dengan ketara kepada RM6.6 juta (tempoh kewangan 18 bulan berakhir 2021: RM0.4 juta). Kerugian rosot nilai Kumpulan ke atas penghutang perdagangan dihapusira pula berjumlah RM8.1 juta (tempoh kewangan 18 bulan berakhir 2021: Tiada) (Nota 11, halaman 113 Laporan Tahunan 2022).</p> <p>(a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan? Sehingga kini, berapakah jumlah daripada RM6.6 juta penghutang perdagangan yang dirosot nilai ini berjaya dikutip?</p> <p>(b) Apakah yang terangkum dalam penghutang dagangan yang telah dihapus kira? Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula RM8.1 juta sebelum jumlah ini dihapus kira?</p>
APB Resources Berhad	<p>Kumpulan APB merekodkan prestasi kewangan yang lebih baik pada tahun kewangan 2022 dengan peningkatan pendapatan sebanyak 37% kepada RM78.02 juta, berbanding RM56.87 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Ini terutamanya disumbangkan oleh pendapatan projek yang lebih tinggi walaupun terdapat peningkatan marginal dalam persekitaran operasi. Berikutan pendapatan yang lebih tinggi serta pemulihan kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan, Kumpulan mencatatkan untung selepas cukai sebanyak RM8.6 juta berbanding rugi selepas cukai sebanyak RM5.3 juta bagi tahun kewangan 2021 (Halaman 10 & 11, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Pada AGM tahun lepas, Lembaga Pengarah menjawab pertanyaan MSWG yang menyatakan</p>

	<p>bahawa sebahagian besar buku pesanan semasa Kumpulan akan disiapkan pada tahun kewangan 2022. Berapakah nilai baki buku pesanan yang akan diserahkan oleh Kumpulan? Berapa lamakah kerja-kerja ini dapat menampung operasi APB?</p> <p>b) Apakah projek baharu Kumpulan dan nilai buku pesanan yang berjaya diperolehi sehingga kini?</p> <p>c) Apakah kebarangkalian pengisian semula buku pesanan memandangkan konflik masih berterusan di Ukraine, inflasi global meningkat dengan pesat dan cabaran yang mendepani industri peralatan pemprosesan? Apakah sasaran dalaman Kumpulan untuk penambahan semula buku pesanan pada tahun kewangan 2023?</p>
Hubline Berhad	<p>“Walaupun berdepan pelbagai cabaran di rantau Asia Tenggara, kami terus melaburkan sumber kami ke wilayah ini kerana kami melihat potensi pertumbuhan yang baik untuk jangka panjang. Lebih-lebih lagi, latar belakang ekonomi yang mencabar berupaya menghasilkan peluang perniagaan dan pelaburan yang mungkin membuahkan hasil yang ketara untuk kami dalam jangka panjang, dengan syarat peluang ini termasuk dalam profil pulangan dilaraskan risiko Kumpulan.” (halaman 6 Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Berapakah jumlah perbelanjaan modal yang diperuntukkan bagi tahun kewangan 2023 dan berapakah pelaburan yang bakal dibuat pada tahun kewangan 2023?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.